

PARTISIPASI POLITIK MAHASISWA: ANALISIS TAHAP PENGLIBATAN DI SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Hadzirah Kursiah Mohamed Johar

Fakulti Pengajian Umum dan Pengurusan, Netherlands Maritime University College

E-mel: hadzirah.kursiah@nmuc.edu.my

Ainur Farahin Abd Hamid

Fakulti Pengajian Umum dan Pengurusan, Netherlands Maritime University College

E-mel: ainur.farahin@nmuc.edu.my

ABSTRAK

Pada Julai 2019, parlimen Malaysia telah meluluskan rang undang-undang menurunkan had umur mengundi pilihan raya daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Seramai 211 daripada 222 ahli parlimen menyatakan sokongan mereka terhadap pindaan Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan perubahan berkenaan. Keputusan kerajaan menurunkan had umur mengundi telah mengubah landskap politik tanah air yang menyaksikan buat pertama kalinya suara anak muda diiktiraf sebagai sebahagian proses demokrasi di negara ini. Penurunan had kelayakan mengundi merupakan langkah tepat dalam memberi nafas baharu amalan demokrasi negara yang sebelum ini dilabel dengan wajah politik lama. Keintelektualan dan kebijakan golongan ini ditagih melalui penglibatan secara langsung sebagai calon pilihan raya atau sebagai pengundi. Penglibatan golongan muda berusia 18 tahun dalam arena politik negara memperlihatkan keazaman kerajaan untuk mengiktiraf peranan signifikan golongan ini yang sering kali dipinggirkan. Justeru kajian ini bertujuan menilai tahap penglibatan mahasiswa melalui amalan demokrasi di negara ini. Dengan mengambil kira faktor seperti kepekaan mahasiswa terhadap perkembangan situasi politik semasa negara, mengikuti ceramah atau perbincangan politik atau berkempen atau menyertai mana-mana parti politik antara isu yang dibahaskan dalam kertas kerja ini. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedar borang soal selidik kepada mahasiswa berusia antara 18 tahun dan ke atas yang mengikuti pengajian di Netherlands Maritime University College (NMUC). Hasil dapatan kajian mendapati terdapat tiga tahap penyertaan mahasiswa iaitu tahap pasif, tahap sederhana dan tahap aktif. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa partisipasi politik mahasiswa di universiti ini pada tahap sederhana. Mahasiswa cakna dan sedia maklum terhadap perkembangan politik negara, meskipun tidak terlibat secara aktif dalam politik.

Kata kunci: Sosialisasi politik; partisipasi politik,; demokrasi; mahasiswa; pilihan raya

1. PENGENALAN

Sistem demokrasi secara teorinya merupakan satu sistem yang menitikberatkan wakil yang menyuarakan kepentingan setiap golongan. Namun, dalam suasana dan realiti politik, sistem demokrasi seringkali merupakan sistem yang didominasi oleh golongan majoriti di sebuah negara. Ianya juga merupakan sistem yang membolehkan rakyat mengambil bahagian dalam memilih pemimpin dan terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membuat keputusan. Menurut Van Deth (2021), partisipasi politik adalah relevan bagi mana-mana sistem politik dan merupakan ciri yang tidak dapat dipisahkan daripada demokrasi. Menurut beliau, tahap demokrasi dalam sesebuah sistem politik bergantung kepada sejauh mana warganegara terlibat dalam proses membuat keputusan, malah penglibatan yang meluas mencerminkan demokrasi yang lebih matang. Dalam konteks negara, keputusan kerajaan menurunkan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun adalah langkah penting dalam menyuburkan amalan demokrasi di negara ini. Rang Undang-Undang (RUU) Undi 18 atau Undi18 yang diluluskan Parlimen pada 16 Julai 2019, membenarkan lebih ramai penyertaan warganegara berusia 18 tahun untuk terlibat dalam proses demokrasi di negara ini. Undi18 merupakan penghormatan kepada anak muda menggalas tanggungjawab menentu dan mencorakkan masa hadapan negara. Kepercayaan ini memberi peluang kepada anak muda untuk sama-sama menyuarakan dan memperkasa ruang demokrasi di negara ini.

Penguatkuasaan Undi18 hanya bermula pada 15 Disember 2021 di mana pindaan ini secara tidak langsung membolehkan warganegara didaftarkan secara automatik sebagai pemilih sebaik sahaja mencapai umur 18 tahun (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2024). Menurut Nuraini dan Mohd Zulhelmi (2024), pindaan RUU Undi18 meluluskan tiga perkara utama iaitu, menurunkan had umur kelayakan sebagai wakil Dewan Rakyat kepada 18 tahun berdasarkan pindaan perenggan (b) Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan, kedua, perenggan (a) Fasal 1 Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan, menurunkan had umur kepada yang layak mengundi kepada 18 tahun dan ketiga pendaftaran pemilih secara automatik (PPSA) sejurus mencapai usia 18 tahun. Pelaksanaan Undi18 merupakan langkah penting penyertaan warganegara berumur 18 tahun untuk memastikan hak bersuara tidak dipinggirkan daripada proses demokrasi. Tahap penyertaan mahasiswa sama ada secara aktif atau pasif berkait rapat dengan proses sosialisasi yang membentuk pemikiran dan tingkah laku mereka. Nor Anita (2017), mentakrifkan sosialisasi politik sebagai proses yang berterusan bermula pada peringkat remaja hingga dewasa. Dalam tempoh berkenaan, mereka melalui proses pengalaman yang memberi kesan secara langsung sepanjang tempoh bergelar mahasiswa. Sosialisasi politik memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran dan tingkah laku yang secara tidak langsung mempengaruhi tahap partisipasi yang ditunjukkan mahasiswa. Oleh yang demikian, penulisan ini berusaha menilai tahap partisipasi politik mahasiswa dan memberi gambaran secara umum tahap keaktifan mereka dalam proses demokrasi di institut pengajian tinggi.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik melalui Google Form. Edaran soal selidik difokuskan kepada pelajar Netherlands Maritime University College (NMUC) yang berusia 18 tahun hingga 25 tahun yang mengikuti pengajian diploma dan ijazah sarjana muda. Data berkenaan kemudiannya, dianalisis dan dinyatakan dalam bentuk jadual berdasarkan peratusan dan purata. Kajian menggunakan kaedah skala likert yang diukur dengan menggunakan skala ‘tidak pernah’, ‘jarang’, ‘kadang-kadang’, ‘selalu’ dan ‘kerap’ / ‘sangat tidak setuju’, ‘tidak setuju’, ‘tidak pasti’, ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’.

3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

3.1 Demografik responden

Bahagian ini akan membincangkan hasil dapatan yang diperolehi melalui edaran soal selidik Google Form kepada 140 mahasiswa NMUC. Majoriti responden mahasiswa terdiri daripada lelaki (65.7%) dan perempuan (34.3%). Responden Melayu mewakili (53.6%), Cina (4.3%), India (13.6) dan lain-lain (28.6%). Responden beragama Islam sebanyak (60%), Buddha (2.1%), Hindu (10.0%) dan lain-lain (27.9%). Responden terdiri daripada mahasiswa yang mengikuti pengajian peringkat diploma (77.9%) dan ijazah sarjana muda (22.1%). Berikut adalah jadual demografik responden.

Jadual 1: Demografik Responden

No.	Latar belakang demografik		Peratusan (%)
1.	Jantina	Lelaki	65.7
		Perempuan	34.3
2.	Bangsa	Melayu	53.6
		Cina	4.3
		India	13.6
		Lain-lain	28.6

3.	Agama	Islam	60.0
		Buddha	2.1
		Hindu	10.0
		Lain-lain	27.9
4.	Tahap pengajian	Diploma	77.9
		Ijazah sarjana muda	22.1

3.2 Pengetahuan Am mengenai Politik

Bahagian ini membentangkan hasil dapatan survei mengenai pengetahuan am mengenai politik dalam kalangan mahasiswa yang diukur melalui skala likert. Skala likert adalah seperti berikut 1 = Tidak pernah, 2 = Jarang, 3 = Kadang-kadang, 4 = Kerap dan 5 = Selalu.

Jadual 2: Pengetahuan Am mengenai Politik

No.	Pernyataan	Tidak pernah (%)	Jarang (%)	Kadang-kadang (%)	Kerap (%)	Selalu (%)	Purata
1.	Saya mengikuti perkembangan politik negara secara berkala.	16 (11.4)	39 (27.8)	60 (42.8)	20 (14.2)	5 (3.5)	2.81
2.	Saya mengambil tahu siapa wakil rakyat di kawasan parlimen saya	15 (10.7)	39 (27.8)	57 (40.7)	21 (15.0)	8 (5.7)	2.86
3.	Saya mengikuti perkembangan pilihan raya di Malaysia.	23 (16.4)	28 (20.0)	51 (36.4)	32 (22.8)	6 (4.2)	2.97
4.	Saya berbincang tentang isu politik bersama rakan-rakan.	16 (11.4)	39 (27.8)	61 (43.5)	14 (10.0)	10 (7.1)	2.76
5.	Saya mengambil tahu tentang hak-hak saya sebagai pengundi.	14 (10.0)	34 (24.2)	44 (31.4)	35 (25)	13 (9.2)	3.15

Jadual dua mendapati purata tertinggi adalah sebanyak 3.15 iaitu mahasiswa cakna terhadap hak mereka sebagai pengundi. Dapatan menunjukkan tahap kesedaran politik mahasiswa berada pada tahap sederhana. Mereka menyatakan kekerapan mengikuti isu politik, mengenali wakil rakyat, mengikuti pilihan raya, berbincang tentang politik bersama rakan-rakan dan mengetahui hak sebagai pengundi. Walaupun tidak semua mahasiswa mengikuti perkembangan politik secara berkala, data menunjukkan kesedaran asas mereka terhadap sistem politik negara agak memuaskan. Berdasarkan dapatan kajian terdahulu, mahasiswa menunjukkan minat yang sederhana terhadap isu politik, seperti mengikuti perkembangan semasa dan mengenali wakil rakyat, namun penglibatan aktif dalam bentuk tradisional seperti pengundian atau menghadiri ceramah politik masih rendah. Kesedaran politik mereka dilihat berada pada tahap asas yang memuaskan, namun masih terhad dari segi tindakan aktif (Fadhilah, Muhamad Takiyuddin & Syarifah 2024). Penemuan ini sepadan dengan kajian oleh Aidinil Zetra et al. (2022) yang membuktikan tahap pengetahuan politik individu dapat menggalakkan penglibatan mereka dalam politik, hasil daripada kefahaman terhadap kepentingan, peraturan serta mekanisme pelaksanaan pilihan raya. Keadaan ini mendorong mereka untuk mendapatkan akses

mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh calon semasa kempen dan sentiasa mengikuti perkembangan semasa politik. Namun, tinjauan oleh Lee (2022), mendapati pengundi muda lebih cenderung untuk tidak membuat keputusan politik disebabkan ketidakpastian dan sikap ragu-ragu dalam kalangan mereka.

Menurut Fazurawati (2018) memetik tinjauan Kamarul Zaman, kesedaran politik yang rendah disumbangkan oleh faktor mahasiswa tidak cakna terhadap pindaan AUKU oleh kerajaan yang membenarkan penuntut menjadi ahli mana-mana parti politik. Menyoroti kajian Zalinah dan Zawiyah (2021), Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 diperkenalkan bertujuan menyekat aktiviti politik dalam kalangan mahasiswa. Walau bagaimanapun, kerajaan telah melonggarkan sebahagian sekatan pada tahun 2012, membolehkan mahasiswa terlibat dalam aktiviti demonstrasi, penyerahan memorandum dan kempen politik. Sungguhpun demikian, penglibatan mahasiswa dalam politik masih di tahap rendah.

3.3 Bentuk dan Tahap Penglibatan Mahasiswa dalam Politik

Bahagian ini membentangkan hasil dapatan survei mengenai bentuk dan tahap penglibatan mahasiswa dalam politik yang diukur melalui skala likert. Skala likert adalah seperti berikut 1 = Tidak pernah, 2 = Jarang, 3 = Kadang-kadang, 4 = Kerap dan 5 = Selalu.

Jadual 3: Bentuk dan Tahap Penglibatan Mahasiswa dalam Politik

No.	Pernyataan	Tidak pernah (%)	Jarang (%)	Kadang-kadang (%)	Kerap (%)	Selalu (%)	Purata
1.	Saya menghadiri ceramah atau forum berkaitan politik.	68 (48.5)	39 (27.8)	29 (20.7)	4 (2.8)	0	1.80
2.	Saya pernah menyertai aktiviti berkaitan kempen pilihan raya.	73 (52.1)	26 (18.5)	33 (23.5)	6 (4.2)	2 (1.4)	1.87
3.	Saya menyertai aktiviti politik dalam kampus (contohnya pilihan raya kampus).	77 (55.0)	27 (19.2)	27 (19.2)	8 (5.7)	1 (0.7)	1.82
4.	Saya menyertai perhimpunan aman yang berkaitan dengan isu politik.	71 (50.7)	30 (21.4)	35 (25.0)	4 (2.8)	0	1.82
5.	Saya menandatangani petisyen berkenaan isu politik atau dasar kerajaan.	79 (56.4)	31 (22.1)	22 (15.7)	7 (5.0)	1 (0.7)	1.75

Jadual tiga di atas menunjukkan purata terendah sebanyak 1.75 iaitu menandatangani petisyen berkenaan dasar kerajaan. Secara amnya, tahap penglibatan mahasiswa dalam politik adalah rendah. Kebanyakan daripada mereka tidak berminat untuk terlibat secara aktif, sebaliknya memilih untuk bersikap pasif dan hanya memerhati perkembangan politik negara dari jauh. Hal ini sejajar dengan kajian Ting dan Sharifah (2021) bahawa penyertaan politik dalam kalangan belia Malaysia masih lebih rendah berbanding negara-negara serantau seperti Thailand, Taiwan dan Indonesia. Hal ini membuktikan impak penyertaan politik belia Malaysia masih belum signifikan untuk mencetuskan

gelombang perubahan besar dalam politik. Kajian ini konsisten dengan dapatan Milbrath dan Goel (1977), apabila mereka membezakan partisipasi politik kepada tiga kategori. Pertama, partisipasi politik apathy iaitu individu yang tidak terlibat atau menarik diri daripada proses politik. Kedua, partisipasi politik spectator, individu yang sekurang-kurangnya terlibat dalam pilihan raya atau sebagai pengundi. Ketiga, partisipasi politik gladiator iaitu individu yang secara aktif melibatkan diri sebagai jurucakap, aktivis parti, pekerja kempen dan aktivis masyarakat. Kajian Joekryno Joni, Khairul Azam dan Siti Nor Amalina (2024) adalah berdasarkan sampel 462 belia di Perak yang berusia antara 18 hingga 20 tahun menunjukkan tahap pengetahuan termasuk isu politik, pilihan raya, proses mengundi adalah tinggi manakala sikap dan kesediaan untuk terlibat berada pada tahap sederhana.

Kajian Kitanova (2020) terhadap partisipasi politik belia di Kesatuan Eropah menunjukkan bahawa negara yang memiliki tradisi demokrasi yang kukuh cenderung memiliki kestabilan dan kadar penyertaan politik yang tinggi. Hal ini disokong bahawa golongan muda bukanlah apatik atau tidak mengambil peduli, sebaliknya mereka telah beralih kepada bentuk penglibatan politik alternatif seperti menyertai protes, demonstrasi, menjadi ahli organisasi, menandatangani petisyen, melakukan kerja sukarelawan dan terlibat secara aktif di platform dalam talian. Keadaan ini berbeza dengan Malaysia yang masih di peringkat awal pengenalan had umur mengundi 18 tahun.

3.4 Sikap dan Persepsi Mahasiswa terhadap Politik

Bahagian ini membentangkan hasil dapatan survei mengenai sikap dan persepsi mahasiswa terhadap politik yang diukur melalui skala likert. Skala likert adalah seperti berikut 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju dan 5 = Sangat setuju.

Jadual 4: Sikap dan Persepsi Mahasiswa terhadap Politik

No.	Pernyataan	Sangat tidak setuju (%)	Tidak setuju (%)	Tidak pasti (%)	Setuju (%)	Sangat setuju (%)	Purata
1.	Saya berasa penting untuk terlibat dalam politik walaupun sebagai mahasiswa.	4 (2.8)	2 (1.4)	47 (33.5)	71 (50.7)	16 (11.4)	3.66
2.	Saya berpendapat bahawa mahasiswa perlu terlibat secara aktif dalam politik.	6 (4.2)	3 (2.1)	46 (32.8)	67 (47.8)	18 (12.8)	3.62
3.	Saya percaya undi saya mampu membawa perubahan dalam negara.	5 (3.5)	6 (4.2)	40 (28.5)	60 (42.8)	29 (20.7)	3.72
4.	Saya berminat untuk mengikuti perkembangan politik di Malaysia.	4 (2.8)	7 (5.0)	38 (27.1)	75 (53.5)	16 (11.4)	3.65
5.	Saya berfikir bahawa mahasiswa patut menyuarakan pandangan terhadap dasar kerajaan.	1 (0.7)	5 (3.5)	26 (18.5)	70 (50.0)	38 (27.1)	3.99

Jadual empat menunjukkan sebanyak 3.99 peratus mahasiswa berpendapat peranan signifikan mereka dalam menyatakan pandangan terhadap dasar kerajaan. Walaupun penglibatan mereka dalam politik

adalah rendah, majoriti mahasiswa menyatakan mereka berminat terhadap isu politik dan percaya bahawa penyertaan mereka adalah penting. Mereka juga percaya bahawa undi mereka mampu membawa perubahan dan menyokong hak mahasiswa untuk menyuarakan pandangan terhadap dasar kerajaan. Belia dan mahasiswa menunjukkan tahap kesedaran politik yang sederhana dengan pengetahuan asas seperti mengikuti isu semasa, mengenali wakil rakyat dan memahami hak sebagai pengundi selari dengan dapatan kajian yang menunjukkan wujudnya kesedaran asas politik dalam kalangan belia walaupun penglibatan aktif mereka masih minimum (Hafizah et al., 2021).

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa bersetuju bahawa mereka wajar terlibat dalam politik, mengikuti perkembangan semasa dan menyuarakan pandangan terhadap dasar kerajaan. Ini selari dengan kajian Fadhilah, Muhamad Takiyuddin & Syarifah (2024) yang menunjukkan bahawa media sosial telah membuka ruang kepada mahasiswa untuk terlibat dalam wacana politik, walaupun penglibatan secara aktif seperti mengundi masih belum konsisten. Menurut Audrey Low dan Arnold Puyok (2024), faktor yang mempengaruhi penyertaan politik terhadap Undi18 termasuklah penglibatan ibu bapa, pengalaman politik, pendedahan media sosial, pendedahan pendidikan serta persepsi dan hubungan mereka dengan ahli politik. Sungguhpun mereka menyedari mengenai Undi18 dan bersedia sebagai pengundi, namun sebahagian besar daripada mereka masih belum bersedia untuk terlibat dalam penglibatan politik yang lebih tinggi. Menurut Madiha Abdullah (2020), majoriti golongan belia bersetuju keyakinan terhadap sistem demokrasi semakin terhakis berpunca daripada peri laku ahli politik sendiri. Mereka mendukung sistem demokrasi, namun menolak ahli politik sebagai faktor keruntuhan kepercayaan mereka terhadap sistem tersebut. Kajian oleh Mohd Irwan dan Nabighah (2025), mendapati wujud hubung kait positif antara tingkah laku pengundian dan penglibatan sivik. Penurunan had umur mengundi menjadikan golongan muda lebih cenderung untuk mengambil bahagian dalam proses pilihan raya. Kebanyakan peserta merasakan bahawa penurunan umur mengundi memberi kuasa kepada mereka dan menyertakan mereka dalam proses demokrasi, sekali gus mendorong mereka untuk lebih aktif dalam aktiviti sivik.

4. KESIMPULAN

Partisipasi politik adalah satu aspek substansif dalam proses demokrasi. Mahasiswa memainkan peranan signifikan sama ada terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses pembuatan keputusan. Hal ini termasuklah menyertai parti politik, menyertai tunjuk perasaan atau pun sekurangnya menjalankan tanggungjawab mengambil bahagian dalam pilihan raya sebagai pengundi. Meskipun pada awalnya ramai bersikap skeptikal terhadap keputusan kerajaan berkenaan Undi18 dengan alasan bahawa umur 18 terlalu muda, tidak matang dan berkemungkinan dimanipulasi pihak tertentu, namun kewajaran Undi18 adalah signifikan untuk memperkasa ruang demokrasi negara. Oleh yang demikian, hasil kajian ini mendapati majoriti mahasiswa NMUC diklasifikasikan mempunyai tahap partisipasi politik yang sederhana. Mahasiswa secara umumnya mengambil peduli terhadap perkembangan politik semasa yang berlaku dalam negara pada tahap yang minimum. Kepekaan mereka terhadap isu-isu politik menggambarkan bahawa mereka berminat menyertai diskusi di platform media sosial dan lain-lain medium. Walaupun kebanyakan mahasiswa tidak aktif dalam aktiviti politik seperti ceramah, kempen atau perhimpunan, mereka menunjukkan keprihatinan terhadap perkembangan politik semasa. Hal ini membuktikan bahawa wujud kesedaran asas dan minat terhadap politik dalam kalangan generasi muda. Walau bagaimanapun, untuk melibatkan diri secara aktif dalam politik seperti mendaftarkan diri sebagai calon pilihan raya, ahli parti politik, berkempen untuk parti, menandatangani petisyen dan lain-lain bukanlah pilihan utama mereka. Sebaliknya terdapat faktor yang berkemungkinan mempengaruhi respond mereka terhadap tahap penglibatan mereka dalam politik. Kecenderungan untuk melibatkan diri secara aktif dalam politik

masih rendah, kemungkinan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kekangan masa, kurangnya pendedahan, persepsi negatif terhadap politikus atau kurangnya ruang yang selamat untuk berpolitik. Justeru, kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan untuk mengenal pasti faktor tersebut.

5. PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Netherlands Maritime University College atas sokongan dalam menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua mahasiswa yang sudi menjadi responden dan memberikan kerjasama sepanjang proses kajian dijalankan.

6. RUJUKAN

- Aidinil Zetra, Kartini Aboo Talib @ Khalid, Ferra Yanuar & Susi Marisa. (2022). Political awareness, knowledge and participation relationship using structural equation modeling approach. *Jurnal Wacana Politik*, 7(1), 46-56.
- Audrey Low & Arnold Puyok. (2024). The impacts of Undi 18 on political participation, awareness and readiness. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(2), 1-17. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i2.2655>
- Fadhilah Raihan Loqman, Muhamad Takiyuddin Ismail & Sharifah Nursyahidah Syed Annuar. (2024). Online political participation in Malaysia (2022–2024): A structured review. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9(38), 528–546. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.938035>
- Fazurawati Che Lah. (2018, April 23). Kesedaran politik masih rendah. *Metro Harian*. <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/04/333123/kesedaran-berpolitik-masih-rendah>
- Hafizah Abdullah, Isyaku Hassan, Muhamad Fazil Ahmad & Nor Azlili Hassan. (2021). Social media, youths and political participation in Malaysia: A review of literature. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(4), 845–857.
- Joekryno Joni, Khairul Azam Bahari & Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin. (2024) Exploring Youth's Knowledge, Attitudes, and Readiness Towards Implementation of Undi18 in Batang Padang District, Perak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 9(8), <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i8.2920>
- Kitanova, M. (2020). Youth political participation in the EU: Evidence from a cross-national analysis. *Youth of Journal Studies*, 23(7), 819-836. <https://doi.org/10.1080/13676261.2019.1636951>
- Lee, M. H. (2022). Malaysia GE15: Low political literacy and indecisiveness limit youth votes. *Institute of Strategic & International Studies Malaysia*. <https://www.isis.org.my/2022/11/14/malaysia-ge15-low-political-literacy-and-indecisiveness-limit-youth-votes/>
- Madiha Abdullah. (2020, Disember 12). Ahli politik punca belia di Malaysia kecewa dengan demokrasi – Tinjauan. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ahli-politik-punca-belia-di-malaysia-kecewa-dengan-demokrasi-tinjauan-272819>
- Milbrath, L. W., & Goel, M. L. (1977). *Political participation: How and why do people get involved in politics?* Rand McNally & Company.
- Mohd Irwan Syazli Saidin & Nabighah Azrun. (2025). Barriers to youth political participation: insights from Malaysia's lowered voting age policy (Undi18) in the 15th General Election. *Cogent Social Sciences*, 11(1), <https://doi.org/10.1080/23311886.2025.2491710>
- Nor Anita Abdullah. (2017). Belia vs Mahasiswa: Pengaruh sosialisasi politik. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business*, 1(4), 127-134.

- Nuraini Roslan & Mohd Zulhelmi. (2024). Undi18 di Malaysia: Pasca Pelaksanaan dan Cabaran Berterusan. *Journal of The Malaysian Parliament*, 4, 122-166.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. (2024). Pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan Pendaftaran Pemilih secara Automatik (PPSA). https://spr.gov.my/wp-content/uploads/2024/10/Final-FAQ-Pengundi-18-Tahun-dan-PPSA_0.pdf
- Ting, S. H., & Sharifah Sophia Wan Ahmad. (2021). Everyday interactions and political participation of Malaysian youth. *Journal of Youth Studies*, 25(5), 616-635. <https://doi.org/10.1080/13676261.2021.1923672>
- Van, D. (2021). What is political participation? https://www.researchgate.net/publication/354986876_What_Is_Political_Participation
- Zalinah Ahmad & Zawiyah Mohd Zain. (2021). Political involvement among youth in Malaysia: Lesson Learnt. *International Journal of Media and Communication Research*, 2(1), 11-22. doi.org/10.25299/ijmcr.v2i1.6122